

PM Akan Lancar Pelan Tindakan Pendidikan Kebangsaan September Ini
Mstar Online
Ogos 21, 2012
Oleh HAMDAN RAJA ABDULLAH

MUAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan pelan tindakan pendidikan kebangsaan pada 11 September ini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, dokumen tersebut yang terdiri daripada pandangan, cadangan dan maklum balas untuk mempertingkatkan sistem pendidikan negara.

"Selepas pelancaran di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, pelan tindakan ini akan dipaparkan untuk dilihat orang ramai.

"Beberapa kandungan turut akan dimuktamadkan sebelum ia dibentangkan kepada Kabinet menjelang akhir tahun," katanya pada rumah terbuka Hari Raya beliau di Pagoh, Isnin.

Beliau berkata, bekas ketua pengarah pelajaran, Tan Sri Dr Wan Zahid Mohd Noordin yang mengetahui panel memudahkan siri dialog di seluruh negara, telah menerima beribu-ribu cadangan.

"Sesi berkenaan dikendalikan oleh pihak berkepentingan di seluruh negara sepanjang tempoh tiga bulan," kata Muhyiddin.

Salah satu cadangannya adalah daripada Najib sendiri dan ia melibatkan pengenalan Kesusasteraan Inggeris bagi meningkatkan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.

Muhyiddin berkata, perubahan itu akan mengalakkan para pelajar untuk membaca dalam bahasa Inggeris dan membantu mereka menguasai bahasa itu dengan lebih cepat.

Pelaksanaan pelan tindakan itu melibatkan tiga peringkat sepanjang tempoh 13 tahun dengan kursus pertama akan dijalankan untuk tiga tahun, kedua dan ketiga bagi tempoh lebih lima tahun.

"Semasa tempoh tiga tahun pertama, keutamaan diberikan kepada semua aspek pendidikan yang boleh memudahkan pelaksanaan dan di mana ia akan memberi kesan tanpa mengubah struktur keseluruhan atau menanggung implikasi kewangan yang besar," tambahnya.

Kerajaan telah memperkenalkan sebuah panel pada tahun lalu, melibatkan pakar pendidikan dan pemimpin korporat bagi mengkaji semula sistem pendidikan dalam sembilan bidang keutamaan.

Sembilan bidang keutamaan itu adalah, guru-guru, pemimpin sekolah, kualiti sekolah, kokurikulum dan penilaian, kemahiran pelbagai bahasa, peluang pengajian tinggi, peranan ibu bapa dan masyarakat, keberkesanan sumber dan perkongsian maklumat dan struktur pentadbiran Kementerian Pelajaran.

Panel tersebut diketuai oleh Naib Canselor Universiti Antarabangsa Albukhary, Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak dan para panel lain termasuk ahli korporat seperti Ketua Pegawai

Eksekutif AirAsia Bhd, Tan Sri Tony Fernandes dan Pengasas Yayasan Jeffrey Cheah dan Sunway, Tan Sri Jeffrey Cheah.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/8/21/mstar_berita/20120821124942&sec=mstar_berita